

JENIS AMARAN DAN FAKTOR PONTENG SEKOLAH DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SABAH

(TYPES OF WARNING AND TRUANCY FACTORS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN SABAH)

Arsaythamby Veloo* and Ng Chooi Kim

School of Education and Modern Languages,
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

*Corresponding author: arsay@uum.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ponteng sekolah berdasarkan surat amaran, penentu utama ponteng sekolah dan hubungan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah harian di Daerah Keningau, Sabah. Seramai 252 pelajar yang terdiri daripada 124 (49%) lelaki dan 128 (51%) perempuan yang menerima surat amaran pertama (3–10 hari), kedua (11–20 hari) dan ketiga (> 20 hari) secara berkala. Alat ukur ponteng sekolah diubah suai daripada Ng (2005) yang telah membuat pengubahsuaian daripada Panduan Mengatasi Masalah Ponteng di Sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1994). Soal selidik asal terdiri daripada 40 item, tetapi hasil daripada kajian rintis, hanya 39 item sahaja digunakan. Dapatan kajian ini menunjukkan 206 (81.7%) orang pelajar yang ponteng sekolah berada pada amaran 1 (3–10 hari) diikuti dengan amaran 2 (11–20 hari) yang terdiri daripada 34 (13.5%) orang pelajar dan amaran 3 (> 20 hari) seramai 12 (4.8%) orang. Hasil kajian menunjukkan faktor penentu utama ponteng sekolah ialah diri pelajar, diikuti dengan sekolah dan keluarga. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan antara faktor keluarga dengan ponteng sekolah, namun tidak terdapat hubungan antara faktor sekolah, diri pelajar dan rakan sebaya dengan ponteng sekolah. Faktor-faktor seperti lambat bangun, sakit tanpa surat pengesahan doktor, tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran, bosan dengan suasana sekolah yang tidak menarik, takut kepada guru disiplin yang garang dan masalah pengangkutan merupakan punca utama ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Implikasi kajian ini berharap dapat membantu pihak sekolah, ibu bapa, pejabat pelajaran daerah dan Kementerian Pelajaran Malaysia merangka strategi dalam berusaha menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah negara ini.

Kata Kunci: ponteng sekolah, diri pelajar, sekolah, keluarga, rakan sebaya

Abstract: This study aims to identify truancy based on warning letters, main contributory factor towards truancy and the relationship with truancy among form four students in daily secondary schools of the Keningau district, Sabah. A total of 252 students comprising 124 (49%) males and 128 (51%) females who had received the first (3–10 days), second (11–20 days) and third (> 20 days) warning letter consistently, participated in this study. The instrument for measuring truancy is adapted from Ng (2005), which in

itself was adapted from the Guide to Overcome Truancy Problems in Schools (Ministry of Education, 1994). The original questionnaire consists of 40 items, but after the pilot study, only 39 items were used. The findings in this study show that the majority of students who played truant had received their first warning (3–10 days) followed by a second warning, which consisted of 34 (13.5%) students and finally the third warning (> 20 days) with a total of 12 (4.8%) students. The findings show that the main factors that contribute to truancy are the students themselves, followed by the school and the family. There is a relationship between family factors with truancy. However, there is no correlation between the school, students themselves and their peers to truancy. Factors such as waking up late, absent without a medical certificate, lack of concentration while studying, bored with the unattractive school atmosphere, fear of the discipline teacher and transportation problems are the main causes of truancy among school children. The implication of the study is that it helps the school, parents, District Education Office and the Ministry of Education to formulate strategies in the efforts to address truancy problems among students in this country.

Keywords: truancy, students themselves, school, family, peers

PENGENALAN

Ponteng sekolah merupakan salah laku disiplin pelajar yang telah berlaku sekian lama dalam arena pendidikan. Isu ponteng sekolah bukanlah sesuatu yang baru kerana seawal tahun 1876, *the Elementary Education Act* telah menetapkan prosedur untuk menangani masalah ponteng sekolah di England. Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan buku, *Panduan bagi Mengatasi Masalah Ponteng Sekolah* pada tahun 1994 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995 Menangani Masalah Ponteng Sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004). Ting (1983) mengaitkan aktiviti ponteng sekolah dengan tingkah laku devians atau lencongan yang bermaksud tingkah laku yang tidak memenuhi norma sosial sesuatu kumpulan masyarakat. Maka ponteng sekolah boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku devians seseorang pelajar kerana tidak hadir ke sekolah tanpa sebarang sebab munasabah dan tanpa pengetahuan ibu bapa atau guru. Sehubungan itu, KPM menerusi Jawatankuasa Bertindak Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006–2010 berusaha melaksanakan pendekatan secara holistik bagi menangani gejala disiplin pelajar melalui Kempen Anti Ponteng Sekolah (KPM, 2005).

Sejarah perkembangan pendidikan Malaysia membuktikan pendidikan dijadikan alat untuk membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berperibadian mulia, berpengetahuan, dan berkemahiran tinggi demi menjurus ke arah kemajuan dan kestabilan negara. Justeru, pada tahun 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan Memorandum KPM bagi menangani

masalah salah laku murid dan meluluskan peruntukan tambahan sebanyak 6.1 juta setahun (Ang, 2007).

Di Malaysia, antara tahun 1994 hingga 2003 gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar adalah antara salah laku yang paling dominan dan menonjol (KPM, 2004). Ponteng sekolah bukanlah merupakan isu sosial yang baru dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Data KPM menunjukkan bilangan pelajar yang ponteng sekolah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Contohnya pada tahun 1993, bilangan pelajar yang terbabit dengan kes ponteng sekolah adalah seramai 32,092 orang dan 80,937 orang pada tahun 1997. Majoriti pelajar sekolah menengah yang ponteng sekolah adalah berumur antara 14 hingga 15 tahun. Daripada segi jantina, pelajar lelaki lebih ramai ponteng sekolah berbanding pelajar perempuan (Muhammed Sharif & Suria, 2012).

Laporan KPM (2004) menyatakan bahawa masalah ponteng sekolah merupakan isu utama dalam rekod salah laku pelajar. Ia tidak dapat menjelaskan sejauh mana tahap seseorang pelajar terlibat dalam masalah ponteng sekolah. Sesuatu kesalahan mungkin dilakukan oleh pelajar yang sama secara berulang kali menyebabkan jumlah kes tersebut meningkat. Pelajar yang tidak berminat untuk belajar sesuatu mata pelajaran kerap kali hilang semangat untuk belajar dan seterusnya ponteng sekolah. Keadaan ini akan menjadi bertambah serius jika guru tidak berusaha untuk menarik minat pelajar terhadap pembelajarannya (Azizi, Shahrin, Yusof & How, 2007). Fenomena ini telah mengundang perhatian KPM untuk mengingatkan semua pelajar agar menjaga rekod kehadiran sekolah kerana ia akan mendatangkan masalah selepas meninggalkan alam persekolahan (Zulkifli, 2007).

Wee Ka Siong mengkategorikan salah laku ponteng sekolah sebagai kes berat yang sama dengan kes pukul dan gaduh (*Utusan Malaysia*, 2009, 1 Oktober). Laporan Salah Laku Disiplin Murid Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) (2010) menunjukkan bahawa ponteng sekolah merupakan antara bilangan salah laku disiplin yang terbanyak berbanding masalah lain. Ponteng sekolah berlaku tidak mengira tempat dan masa walaupun di kawasan yang terpencil seperti di pedalaman Sabah.

SOROTAN KAJIAN

Di Malaysia, ponteng sekolah dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ponteng sekolah dan ponteng kelas. Ponteng sekolah ditakrifkan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa kebenaran daripada pengetua atau guru besar. Jenis ponteng sekolah dalam kajian ini diukur berdasarkan rekod rasmi kehadiran pelajar di sekolah mengikut arahan KPM (1994), iaitu Panduan bagi Mengatasi Masalah

Ponteng di Sekolah. Menurut panduan ini, ponteng sekolah merujuk kepada surat amaran yang dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada ibu bapa atau penjaga melalui surat amaran pertama, kedua dan ketiga. Pemberian surat amaran pertama dikeluarkan apabila pelajar ponteng sekolah antara 3–10 hari secara berkala. Pemberian surat amaran kedua berdasarkan bilangan hari pelajar ponteng sekolah secara berkala dari 11 hingga 20 hari. Manakala pemberian surat amaran ketiga ialah pelajar ponteng sekolah secara berkala lebih daripada 20 hari. Manakala ponteng kelas pula ditakrifkan sebagai perbuatan keluar atau tidak berada di dalam kelas tanpa kebenaran daripada guru (KPM, 1994). Gejala ponteng sekolah merupakan tingkah laku anti sosial yang dilakukan oleh pelajar kerana tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa (Fortin, 2003).

Teori Ponteng Sekolah

Menurut Eastman, Cooney, O'Connor dan Small (2007), "*Truancy is a status offense, that is, an act that would not be criminal if committed by an adult*". Gabb (1994) pula menyatakan *truancy is disobedience*. Menurut beliau, pelajar ke sekolah adalah satu kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Oleh sebab itu, tindakan ponteng sekolah merupakan satu bentuk pelanggaran autoriti atau salah laku. Menurut Animasahun (2009):

Truancy is a delinquent and anti-social behaviour, therefore, this behaviour can be explained from the perspectives of certain theories of delinquency.

Dalam hal ini, punca salah laku seseorang pelajar harus dikenal pasti terlebih dahulu sepertimana yang diterangkan dalam teori tingkah laku yang dipelopori oleh ahli-ahli psikologi dan sosiologi. Teori Pelaziman Emosi menerangkan bahawa seorang pelajar pada mulanya tidak memperlihatkan emosi takut kepada guru disiplin tetapi apabila melihat guru disiplin mendenda dan menengking pelajar yang ponteng sekolah, mereka menjadi takut kepada guru disiplin yang garang. Pelaziman emosi takut ini berlaku sehingga akhirnya menyebabkan pelajar tidak hadir ke sekolah. Kajian Animasahun (2009) ke atas 626 pelajar di negeri Osun, Nigeria menunjukkan kecerdasan emosi pelajar merupakan pemboleh ubah yang mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah.

Bandura (1977) dalam teori pembelajaran sosial menekankan faktor kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif mempengaruhi tingkah laku pelajar remaja. Teori pembelajaran sosial juga menekankan tentang kepentingan penilaian kognitif dan emosi. Teori ini memperlihatkan pengaruh sosial ke atas personaliti remaja dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Faktor Keluarga dan Ponteng Sekolah

Zhang (2007) dalam kajiannya menyatakan bahawa ponteng sekolah dan implementasi notis penalti kepada 150 buah LEAs (Local Education Authorities) dan Pengurus Kebajikan Pendidikan mendapati bahawa faktor keluarga mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Kajian-kajian Hunt dan Hopko (2009), Henry, (2007) dan Ng (2005) juga menyatakan hubungan yang signifikan antara faktor keluarga dan ponteng sekolah. Kajian Malcolm, Wilson, Davidson dan Kirk (2003) menyatakan guru memberi pandangan bahawa faktor keluarga merupakan punca utama berlakunya ponteng sekolah dalam kalangan pelajar. Kajian Butler (2003) dan Muhammed Sharif dan Suria (2012) mendapati adanya hubungan antara keluarga yang bermasalah dengan ponteng sekolah. Kajian Wan Norasiah (2003) mendapati bahawa pengaruh ibu bapa merupakan punca utama pelajar ponteng sekolah. Manakala pelajar sendiri berpendapat bahawa mereka melakukan ponteng sekolah bukan disebabkan oleh faktor keluarga. Hasil kajian ini juga menunjukkan ibu bapa berpendapat bahawa anak mereka tidak dapat hadir sekolah kerana melakukan urusan yang lebih penting di rumah (Lotz & Lee, 1999).

Faktor Sekolah dan Ponteng Sekolah

Kajian Claes, Hooghe dan Reeskens (2009) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara faktor sekolah dengan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar yang berumur 14 tahun. Bagitu juga dengan kajian Lloyd (2006) menyatakan terdapat hubungan antara faktor kepimpinan sekolah dengan ponteng sekolah yang dijalankan di 31 buah sekolah menengah di England. Hasil kajian Hallam et al. (2005) dan Muhammed Sharif dan Suria (2012) tingkah laku pelajar di sekolah menunjukkan terdapatnya hubungan antara faktor sekolah dengan ponteng sekolah. Laporan daripada Department of Children, Schools and Families (2007) juga menunjukkan bahawa pelajar yang tidak puas hati dengan sekolah lebih kerap ponteng sekolah berbanding dengan pelajar lain.

Kajian Henry (2007) menunjukkan sekolah yang berkesan dapat menangani masalah ponteng sekolah dibandingkan dengan sekolah yang mempunyai ciri latar belakang pelajar yang hampir sama. Hallinan (2008) dan Malcolm et al. (2003) mendapati faktor guru mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Kajian Gabb (1994) menyatakan sekolah sebagai faktor penolak pelajar dari sekolah. Masalah peraturan sekolah yang kurang konsisten dan penguatkuasaan menyebabkan berlakunya ponteng sekolah. Kajian Enomoto (1997) mendapati pelajar sekolah tinggi lebih sedar tentang kelonggaran penguatkuasaan polisi sekolah menyebabkan mereka lebih kerap ponteng sekolah. Animasahun (2009) menyatakan bahawa motivasi pelajar juga mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Motivasi pelajar untuk hadir sekolah adalah rendah apabila guru tidak

mempedulikan ketidakhadiran mereka. Kajian beliau menyatakan peraturan sekolah yang lebih ketat terhadap kehadiran pelajar dapat mengurangkan kadar ponteng sekolah. Ng (2005) dalam kajiannya mendapati bahawa pengajaran guru yang membosankan juga merupakan antara faktor yang menyebabkan berlakunya ponteng sekolah. Kajian Smink dan Reimer (2005) menunjukkan mata pelajaran yang kurang merangsang, kerja sekolah yang tidak mencabar dan hubungan yang tidak mesra antara guru dan pelajar merupakan faktor yang berkait rapat dengan jumlah kehadiran. Dalam kajian Muhammed Sharif dan Suria (2012) menyatakan sikap guru merupakan faktor penting dalam ponteng sekolah.

Faktor Diri Pelajar dan Ponteng sekolah

Hunt dan Hopko (2009) dan Muhammed Sharif dan Suria (2012) dalam kajiannya menyatakan faktor diri pelajar mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Kajian ini dijalankan terhadap 367 orang pelajar sekolah menengah luar bandar di selatan Appalachian. Pelajar yang risau, stres dan mempunyai masalah pembelajaran merupakan antara punca mereka ponteng sekolah. Ng (2005) dapat menonjolkan punca sakit tanpa surat doktor, tidak dapat memberi perhatian dan lambat bangun adalah antara item dalam faktor diri sendiri yang menyebabkan berlakunya ponteng sekolah. Manakala kajian Malcolm et al. (2003) menyatakan sikap malas, perasaan ingin cuba dan marah adalah punca utama berlakunya ponteng sekolah. Mat Kilau (1997) dalam kajiannya mendapati faktor diri pelajar adalah faktor dominan dalam ponteng sekolah (Gabb, 1994). Kinder, Wakefield dan Wilkinson (1996) dalam kajiannya mendapati aspek kurang *self-esteem*, kemahiran sosial, keyakinan diri dan kemahiran pengurusan diri mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Kajian Muhammed Sharif dan Suria (2012) menunjukkan aspek diri pelajar merupakan punca utama masalah ponteng sekolah.

Faktor Rakan Sebaya dan Ponteng Sekolah

Yusop (1998), Ng (2005) dan Muhammed Sharif dan Suria (2012) menunjukkan faktor rakan sebaya mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Kinder et al. (1996) membuat kajian ke atas 160 murid tahun tujuh dan ke atas mendapati faktor pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Kajian Wan Norasiah (2003) mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya merupakan punca utama pelajar ponteng sekolah. Hal ini kerana rakan sebaya merupakan individu yang paling hampir dengan remaja selepas keluarga.

OBJEKTIF

- i. Mengetahui pasti ponteng sekolah mengikut surat amaran yang dikeluarkan oleh sekolah menengah harian daerah Keningau, Sabah.
- ii. Mengetahui pasti faktor utama ponteng sekolah, iaitu faktor keluarga, sekolah, diri pelajar dan rakan sebaya.
- iii. Mengetahui pasti hubungan antara faktor keluarga, sekolah, diri pelajar dan rakan sebaya dengan ponteng sekolah.

METODOLOGI

Persampelan

Persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih seramai 252 orang pelajar yang terdiri daripada 124 (49%) lelaki dan 128 (51%) perempuan yang ponteng sekolah selama tiga hari atau lebih dan telah menerima surat amaran. Pelajar Tingkatan Empat dipilih kerana mempunyai tendensi yang lebih tinggi melakukan ponteng sekolah berbanding kumpulan pelajar yang lain. Selain itu, pelajar Tingkatan Empat dipilih sebagai responden kajian kerana mereka tidak terlibat dalam peperiksaan awam.

Alat Ukur Ponteng Sekolah

Buku rekod kehadiran pelajar Tingkatan Empat yang mencatat kehadiran dari bulan Januari hingga Jun tahun 2010 dijadikan bahan rujukan pertama dalam kajian ini. Pengkaji membuat catatan senarai nama pelajar yang menerima surat amaran berserta dengan jumlah hari mereka ponteng sekolah. Pengkaji menggunakan soal selidik faktor ponteng sekolah ini yang diubah suai daripada Ng (2005), yang diadaptasi daripada Panduan Mengatasi Masalah Ponteng di Sekolah (KPM, 1994). Soal selidik ini mempunyai 39 item dengan empat faktor utama ponteng sekolah, iaitu faktor keluarga, sekolah, diri pelajar dan rakan sebaya (Jadual 1). Instruman ini menggunakan empat pilihan, iaitu 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (setuju), dan 4 (sangat setuju).

Prosedur Memungut Data

Pengkaji mengirim secara pos soal selidik kepada sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Arahan dan tatacara menjawab telah dinyatakan dengan jelas dalam borang soal selidik dan pelajar diberi keyakinan bahawa maklumat yang diberikan oleh mereka adalah sulit dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Soal selidik tersebut dikumpulkan oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah dan diserahkan secara terus kepada pengkaji.

Jadual 1. Analisis pembahagian item soal selidik faktor ponteng sekolah

Faktor	Item	No. Item	Jumlah Item
Keluarga	Masalah pengangkutan	1	9
	Masalah keluarga	2, 3, 4, 6	
	Sikap ibu bapa	5, 9	
	Persekitaran keluarga	7, 8	
Sekolah	Persekitaran sekolah	1, 8, 9	10
	Masalah berkaitan dengan guru	2, 4, 6, 7	
	Pentadbiran sekolah	3, 5, 10	
Diri pelajar	Kurang minat belajar	1, 2, 4, 7, 8	10
	Persepsi negatif	3, 10	
	Masalah kurikulum	5, 9	
	Masalah peribadi	6	
Rakan sebaya	Hubungan dan pengaruh kawan	1–10	10
Jumlah			39

Sumber: Diubah suai daripada Ng (2005)

DAPATAN KAJIAN

Jenis Amaran dan Ponteng Sekolah

Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti pelajar, iaitu 206 (81.7%) orang berada pada amaran 1 (3–10 hari) diikuti dengan amaran 2 (11–20 hari) yang mewakili seramai 34 (13.5%) orang pelajar dan amaran 3 (> 20 hari) seramai 12 (4.8%) orang pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai ponteng sekolah pada amaran 1, iaitu seramai 106 (51.5%) orang berbanding pelajar lelaki seramai 100 (48.5%) orang. Bagi amaran 2, pelajar lelaki adalah seramai 18 (52.9%) lebih ramai ponteng sekolah berbanding pelajar perempuan 16 (47.1%). Bilangan pelajar lelaki dan perempuan yang ponteng sekolah pada amaran 3, masing-masing adalah pada kadar yang sama, iaitu seramai 6 orang (50.0%) (lihat Jadual 2).

Jadual 2. Ponteng sekolah mengikut surat amaran yang dikeluarkan oleh sekolah

Tahap Ponteng Sekolah	N (%)	Lelaki (%)	Perempuan (%)
Amaran 1 (3–10 hari)	206 (81.7)	100 (48.5)	106 (51.5)
Amaran 2 (11–20 hari)	34 (13.5)	18 (52.9)	16 (47.1)
Amaran 3 (> 20 hari)	12 (4.8)	6 (50.0)	6 (50.0)
Jumlah Keseluruhan	252 (100)	124 (49.2)	128 (50.8)

Faktor Utama Ponteng Sekolah

Secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor diri pelajar mempunyai min yang paling tinggi (2.05) berbanding faktor sekolah (2.03), faktor keluarga (2.02) dan faktor rakan sebaya (1.69). Hal ini menunjukkan bahawa faktor penentu utama ponteng sekolah dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat ialah faktor diri pelajar. Rakan sebaya mempunyai min paling rendah (1.69). Jadual 3 menunjukkan faktor sekolah merupakan penentu utama ponteng sekolah bagi amaran 1 dengan min yang tertinggi (2.02), diikuti oleh faktor diri pelajar (2.01), keluarga (1.99) dan rakan sebaya (1.66). Faktor penentu utama pelajar ponteng sekolah dalam amaran 2 ialah faktor diri pelajar (2.28), diikuti oleh faktor sekolah (2.16), keluarga (2.10) dan rakan sebaya (1.88). Manakala faktor utama bagi pelajar ponteng sekolah dalam amaran 3 ialah faktor keluarga (2.24), diikuti oleh faktor diri pelajar (2.13), sekolah (1.91) dan rakan sebaya (1.60).

Jadual 3. Min faktor ponteng sekolah mengikut jenis amaran

Faktor Ponteng Sekolah	Keseluruhan		Amaran 1		Amaran 2		Amaran 3	
	N	Min	N	Min	N	Min	N	Min
Keluarga	252	2.02	206	1.99	34	2.10	12	2.24
Sekolah	252	2.03	206	2.02	34	2.16	12	1.91
Diri pelajar	252	2.05	206	2.01	34	2.28	12	2.13
Rakan sebaya	252	1.69	206	1.66	34	1.88	12	1.60

Analisis item memaparkan item 7 (diri pelajar), iaitu lambat bangun dan takut lewat sampai ke sekolah merupakan faktor utama pelajar ponteng sekolah. Selain itu, item 6 (diri pelajar) selalu sakit tetapi tiada surat pengesahan daripada doktor turut merupakan faktor penyumbang kepada pelajar ponteng sekolah. Demikian juga dengan item 1 (diri pelajar), iaitu tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran di sekolah telah dikesan sebagai punca ponteng sekolah.

Bagi faktor sekolah, item 1 (sekolah), iaitu suasana dan persekitaran sekolah yang bosan dan kurang menarik merupakan faktor yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah. Item 4 (sekolah), iaitu guru disiplin yang terlalu garang juga menyebabkan pelajar ponteng sekolah. Bagi faktor keluarga, item 7 (keluarga), iaitu kadangkala menghadiri perayaan atau majlis perkahwinan di rumah atau kampung telah dikenal pasti sebagai faktor utama pelajar ponteng sekolah. Faktor ini diikuti dengan item 1 (keluarga), iaitu pelajar ponteng sekolah kerana masalah pengangkutan.

Jadual 4 menunjukkan faktor keluarga mempunyai hubungan positif yang signifikan ($r = 0.16$, $p < .05$) dengan ponteng sekolah. Namun demikian, faktor keluarga menunjukkan hubungan yang rendah, iaitu 0.16 terhadap ponteng

sekolah. Faktor keluarga menyumbang sebanyak 3% varians ponteng sekolah. Faktor sekolah, diri sendiri dan rakan sebaya tidak mempunyai hubungan signifikan ($p > .05$) dengan ponteng sekolah.

Jadual 4. Nilai-nilai korelasi Pearson antara pemboleh ubah faktor ponteng sekolah dengan ponteng sekolah

Pemboleh ubah	Sekolah	Sendiri	Rakan	Ponteng
Keluarga	.41**	.34**	.38**	.16*
Sekolah		.70**	.60**	-.34
Diri sendiri			.73**	.10
Rakan				.06

$p > .05$, * $p < .05$, ** $p < .01$ (2-tailed)

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian Tingkatan Empat daerah Keningau adalah tidak serius dan ia selaras dengan kajian Ng (2005) dan Muhammed Sharif dan Suria (2012). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor utama pelajar ponteng sekolah ialah sikap pelajar itu sendiri. Dapatan kajian ini tidak menunjukkan rakan sebaya sebagai faktor utama ponteng sekolah. Antara punca utama pelajar ponteng sekolah adalah akibat masalah diri pelajar, iaitu lambat bangun dan bimbang lewat ke sekolah, kerap sakit tetapi tidak mempunyai surat pengesahan doktor dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran di sekolah. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Ng (2005) walaupun kajiannya dijalankan pada peringkat seluruh bahagian pedalaman Sabah. Hunt dan Hopko (2009) dalam kajiannya di sekolah menengah luar bandar selatan Appalachian turut memaparkan keputusan yang sama. Malcolm et al. (2003) juga menyatakan sikap malas pelajar, perasaan ingin cuba dan marah adalah faktor penyumbang kepada ponteng sekolah. Mat Kilau (1997), Gabb (1994) dan Kinder et al. (1996) juga sependapat dengan kenyataan bahawa pelajar itu sendiri merupakan sebab berlakunya ponteng sekolah.

Keadaan dan suasana sekolah yang bosan serta tidak menarik merupakan antara faktor pelajar ponteng sekolah. Selain itu, guru disiplin yang terlalu garang juga merupakan punca berlakunya ponteng sekolah dan dapatan kajian ini adalah selaras dengan hasil kajian Claes et al. (2009), Animasahun (2009), Ng (2005), Lloyd (2006), Henry (2007), Hallinan (2008) dan Malcolm et al. (2003). Mereka mendedahkan bahawa sikap guru sekolah, polisi yang tidak tekal dan cara guru mengajar yang membosankan sebagai antara beberapa faktor penyumbang kepada pelajar ponteng sekolah.

Hasil dapatan kajian ini berjaya memaparkan hanya faktor keluarga sahaja mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah dan kajian ini adalah selari dengan kajian Zhang (2007), Hunt dan Hopko (2009), Henry (2007), Ng (2005), dan Muhammed Sharif dan Suria (2012). Manakala faktor sekolah, diri pelajar dan rakan sebaya tidak mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Hasil kajian Lotz dan Lee (1999) menunjukkan empat kali ganda ibu bapa memberi alasan anak mereka ponteng sekolah kerana melakukan urusan yang lebih penting di rumah. Butler (2003) menonjolkan keluarga yang bermasalah mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Manakala kajian oleh Malcolm et al. (2003) mendapati bahawa keluarga tidak mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah.

Implikasi Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti pelajar Sabah yang ponteng sekolah berada pada amaran 1. Walaupun tahap ponteng tidak begitu serius sepertimana dalam laporan KPM (2004), hal ini tidak bermakna pihak yang berkepentingan boleh lepas tangan kerana masih terdapat 105 (24.3%) daripada 432 orang pelajar yang ponteng sekolah selama 1–2 hari tanpa sebarang alasan yang munasabah daripada pihak pentadbir sekolah.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pelajar sendiri merupakan faktor utama ponteng sekolah. Antara item-item yang dikenal pasti ialah lambat bangun, selalu sakit tanpa surat pengesahan doktor dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa sikap dan motivasi pelajar untuk belajar lemah sehingga mereka tidak menganggap pergi ke sekolah adalah satu kewajipan. Keadaan ini ditambah lagi dengan keadaan sekolah yang tidak kondusif dan guru disiplin yang garang menyebabkan pelajar ponteng sekolah. Justeru, pihak sekolah perlu bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk merangka program peningkatan kesedaran ibu bapa bagi memastikan anak mereka ke sekolah. Kaunselor sekolah pula hendaklah merancang program dan aktiviti bagi peningkatan motivasi serta efikasi diri pelajar yang tinggi. Manakala pihak sekolah terutamanya pihak pentadbir seharusnya memastikan suasana persekolahan adalah kondusif, mesra pelajar, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang menarik serta pendekatan guru disiplin yang lebih berorientasikan sifat kemanusiaan kerana semua ini akan menjadi faktor penarik untuk pelajar ke sekolah.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan 69.8% pelajar yang ponteng sekolah adalah terdiri daripada ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Ini adalah disebabkan kebanyakan penduduk di kawasan pedalaman Sabah ini terlibat dalam sektor pertanian. Maka adalah dicadangkan agar usaha penambahbaikan seperti mendirikan asrama di sekolah, mengadakan bantuan

kewangan seperti biasiswa, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan bantuan daripada pihak swasta diwujudkan khas untuk pelajar yang mempunyai ibu bapa yang berpendapatan rendah.

Kesimpulannya, semua faktor ponteng sekolah adalah saling berhubung kait dan mempengaruhi dalam menyumbang kepada pelajar melakukan salah laku ponteng sekolah. Walaupun rakan sebaya bukan faktor penentu dan tidak mempunyai hubungan signifikan dengan ponteng sekolah, ini tidak bermakna mereka tiada kaitan dengan gejala salah laku ini. Besar kemungkinan mereka juga terdiri daripada kalangan pelajar yang ponteng sekolah. Justeru, usaha menangani masalah ponteng sekolah haruslah menyeluruh dan bersungguh-sungguh, terutama dalam meningkatkan kesedaran keibubapaan terhadap anak. Gejala ponteng sekolah harus ditangani secara kolektif dan menyeluruh oleh semua lapisan masyarakat. Oleh sebab itu, isu ponteng sekolah tidak boleh dipandang remeh kerana ia bukan sahaja membawa kesan kepada pelajar tetapi implikasinya akan menular kepada masyarakat dan negara keseluruhannya (Malcolm et al., 2003; Attwood & Croll, 2006).

RUJUKAN

- Ang, J. S. (2007). *Pengurusan disiplin murid*. Batu Caves: PTS Professional.
- Animasahun, R. A. (2009). Psychodemographic predictors of school attendance behaviour among secondary school students in Osun State, Nigeria. *The Social Sciences*, 4(6), 662–672.
- Attwood, G., & Croll, P. (2006). Truancy in secondary school pupils: Prevalence, trajectories and pupil perspectives. *Research Papers in Education*, 21(4), 467–484.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & How Lee Chan (2007). *Faktor-faktor mempengaruhi pelajar ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah Johor*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Butler, I. (2003). *Social work with children and families*. London: Jessica Kingsley.
- Claes, E., Hooghe, M., & Reeskens, T. (2009). Truancy as a contextual and school-related problem: A comparative multilevel analysis of country and school characteristics on civic knowledge among 14 year olds. *Educational Studies*, 35(2), 123–142.

Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah dalam Kalangan Pelajar Sekolah

- Daily Mail* (2007, Oktober 25). Truancy on the increase in secondary schools. Retrieved 7 September 2009, from <http://www.dailymail.co.uk/news/article-489639/Truancy-increase-secondary-school.html>
- Department of Children, Schools and Families (2007). *Contribution of schools to every child matters outcomes: Evidence to support education productivity measures*. Nottingham: Author.
- Eastman, G., Cooney, S. M., O'Connor, C., & Small, S. A. (2007). Finding effective solutions to truancy. *Research To Practice Series*, 5, 1–15.
- Enomoto, E. (1997). Negotiating the ethics of care and justice. *Educational Administration Quarterly*, 33(30), 351–370.
- Fortin, L. (2003). *Students' antisocial and aggressive behavior: Development and prediction*. *Journal of Education*, 41(6), 669–688.
- Gabb, S. (1994). Truancy: Its measurement and causation: A brief review of the literature. *The report of the North London truancy unit* (reproduced with permission from the Crown). London: Her Majesty's Stationery Office.
- Hallam, S., Castle, F., Rogers, L., Creech, A., Rhamie, J. & Kokotsaki, D. (2005). *Research and evaluation of the behaviour improvement programme* (Research Report RR702). London: Department for Education and Skills (DfES).
- Hallinan, M. T. (2008). Teacher influences on students attachment to school. *Sociology of Education*, 81(3), 271–283.
- Harvey, A. D. (2003). Truancy again – and again. *Education Journal*, 69, 17.
- Henry, K. L. (2007). Who's skipping school: Characteristics of truants in 8th and 10th grade. *Journal of School Health*, 77(1), 29–35.
- Hunt, M. K., & Hopko, D. R. (2009). Predicting high school truancy among students in the Appalachian South. *Journal of Primary Prevention*, 30(5), 549–567.
- Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (2010). *Kes salah laku disiplin murid di Sabah dari tahun 2007-2008*. Kota Kinabalu: Unit Disiplin.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (1994). *Panduan bagi mengatasi masalah ponteng di sekolah*. Kuala Lumpur: Unit Disiplin, Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2004). *Laporan jawatankuasa menangani isu budaya negatif di kalangan murid sekolah*. Kuala Lumpur: Author.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2005). *Rancangan Malaysia Ke-9: Pelan induk pembangunan pendidikan 2006–2010*. Kuala Lumpur: Author.

- Kinder, K., Wakefield, A., & Wilkinson, A. (1996). *Talking back: Pupil views on disaffection*. Slough: National Foundation for Educational Research (NFER).
- Lloyd, N. N. (2006). Pupil disaffection in areas of socio-economic disadvantage: Implications for effective school leadership. *Management in Education*, 20(5), 23–31.
- Lotz, R., & Lee, L. (1999). Sociability, school experience, and delinquency. *Youth & Society*, 31(3), 199–224.
- Malcolm, H., Wilson, V., Davidson, J., & Kirk, S. (2003). Absence from school: A study of its causes and effects in seven LEAs. *Research Report 424*. Nottingham: Department for Education and Skills.
- Malcolm, H., Wilson, V., & Davidson, J. (2002). *Out-of-school care*. Glasgow: Scottish Research in Education Centre, University of Glasgow.
- Mat Kilau Idris (1997). *Gejala ponteng sekolah antara para pelajar sekolah menengah*. Unpublished master's thesis, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Muhammed Sharif Mustaffa, & Suria Abd Jamil (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 50–73.
- Ng, K. G. (2005). *Hubungan antara punca-punca ponteng dengan tahap ponteng sekolah di kalangan pelajar tingkatan 4 Bahagian Pendalaman Sabah*. Unpublished master's thesis, Universiti Malaysia Sabah.
- Saiful Bahari Ashari (2009, 15 Ogos). Tangani ponteng sekolah, gangsterisme-Muhyiddin. *Utusan Malaysia*, p. 2.
- Smink, J., & Reimer, M. S. (2005). *Fifteen effective strategies for improving student attendance and truancy prevention*. Clemson, SC: National Dropout Prevention Center/Network.
- Ting, C. P. (1983). *Konsep asas sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Utusan Malaysia* (2009, 1 Oktober). Salah laku murid meningkat. p. 24.
- Wan Norasiah Wan Ismail. (2003). *Akhlaq Remaja di Felda Ulu Belitong*. Unpublished master's thesis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Yusop Mat Isa (1998). *Usaha pihak sekolah mengatasi gejala ponteng di kalangan pelajar*. Unpublished master's thesis, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah dalam Kalangan Pelajar Sekolah

Zhang, M. (2007). School absenteeism and the implimentation of truancy-related penalty notices. *Pastoral Care in Education: An International Journal for Pastoral Care & Personal-Social Education*, 25(4), 25–34.

Zulkifli Abdullah (2007, 25 Oktober). Ambil tindakan tegas pelajar ponteng. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=PR11&y=2007&dt=1025&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_07.htm